

Headline	PESAKIT JUGA PUNYA HAK		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	22 Jun 2012	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	192,982
Page No	I-c28	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	866 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 29,207
Frequency	Daily	PR Value	RM 87,621



PESAKIT JUGA PUNYA HAK



KITA semua mempunyai hak dalam menyuarkan sesuatu perkara yang kita fikir sesuai dengan keadaan pada masa kini. Dalam konteks hak untuk mendapatkan rawatan, kita perlu fokus terhadap apa yang kita fikirkan penting terutama sekali dari segi kesihatan.

Kesihatan yang baik merupakan anugerah tuhan tetapi, terdapat juga hambaNya di muka bumi ini yang ingkar dan merosakkan diri sendiri dengan merokok, mengamalkan gaya hidup yang bebas, berzina, menghisap dadah dan meminum arak.

Perkara di atas menyebabkan ramai antara mereka menghadapi risiko dijangkiti penyakit seperti HIV yang memerlukan rawatan yang sewajarnya dari pihak hospital. Ironinya, terdapat sesetengah pusat kesihatan enggan merawat pesakit-pesakit

seperti ini.

Anda sama ada pesakit atau dari industri perubatan perlu sedar setiap yang bergelut manusia berhak mendapatkan rawatan dengan penuh kesopanan, ketertiban serta perlu dirawat dengan penuh perhatian, bertimbang rasa, adil, penuh hormat dan kemuliaan.

Kita juga perlu sedar bahawa penyakit itu tidak bermata dan memilih siapa yang hendak dijangkiti baik dewasa mahupun kanak-kanak, justeru penting bagi pengamal perubatan wajar berkongsi maklumat mengenai kesihatan pesakit.

Setelah mendapatkan rawatan, pesakit perlulah diberi maklumat lengkap tentang keadaan serta anggaran kos rawatan, penyiataan dan prosedur yang bakal dijalankan dirinya supaya dia boleh memilih sama ada mahu menerima atau


menolak sesuatu rawatan yang telah dicadangkan. Pesakit seharusnya diberikan penjelasan yang jelas, ringkas dan padat untuk sebarang rawatan atau prosedur yang dicadangkan serta alternatif yang perlu diketahui oleh pesakit.

Setiap rawatan yang diterima mestilah disertakan dengan risiko yang berkemungkinan pesakit alami, seperti kesan sampingan dan kemungkinan kegagalan dalam sesuatu prosedur perubatan. Selagi pesakit mempunyai keluarga, selagi itulah perlu memperoleh keizinan daripada ibu atau bapa atau penjaga yang sah agar tidak berlaku perkara yang tidak diinginkan oleh pesakit.

Segala maklumat yang diperolehi daripada pesakit hendaklah dirahsiakan dan tidak dibincangkan secara persendirian dengan orang lain selain daripada golongan profesional yang terlibat. Sudah tentu pesakit juga mempunyai hak untuk mendapatkan penjagaan kesihatan yang selamat, cekap dan pantas sepanjang berada di tempat rawatan.

Bagaimanapun, tidak semua perkhidmatan yang diberikan sempurna. Oleh itu, sebarang rungutan atau aduan dari pesakit wajib didengari dan diambil perhatian dan tindakan sewajarnya perlu dilaksanakan oleh staf perubatan.

Pesakit juga wajar diberikan khidmat nasihat yang berkaitan dengan keadaan kesihatan, di samping pendidikan dan kaunseling tentang penjagaan



diri, pengambilan ubat-ubatan yang berkaitan, termasuk kesan sampingan yang mungkin ada dan langkah keselamatan yang mungkin diperlukan semasa di hospital atau sebelum keluar wad.

Setelah mendapat rawatan, mereka juga berhak untuk mendapatkan bil perubatan yang jelas dan terperinci dan sebarang perkara yang berkaitan atau sebarang penjelasan mengenai bil tersebut perlu diberikan jika diminta. Mereka juga seharusnya disediakan dengan laporan perubatan dalam masa yang munasabah sekiranya laporan itu diminta oleh pesakit pada kadar bayaran yang berpatutan.

Hak Pesakit bagi menangani kos rawatan yang tinggi

Hak pengguna dalam mendapatkan rawatan di hospital swasta dinyatakan dalam Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 dan Peraturan Kemudahan Penjagaan Kesihatan dan Perkhidmatan Swasta 2006.

Pesakit mempunyai hak untuk menerima maklumat apabila diminta. Hak tersebut termasuk bayaran yang dianggarkan bagi perkhidmatan yang disediakan dan bayaran lain yang tidak dijangka.

Pesakit juga berhak dimaklumkan tentang prosedur bayaran yang dikenakan oleh hospital swasta, sebelum memulakan penjagaan atau rawatan khusus. Pesakit boleh meminta bil terperinci bagi seluruh rawatan tanpa

dikenakan sebarang bayaran tambahan.

Petugas perubatan diwajibkan mengambil langkah sewajarnya untuk memastikan pesakit diberikan maklumat mengenai syarat-syarat perubatan dan sebarang rawatan yang disarankan, penyiataan atau prosedur dan kos rawatan, penyiataan atau prosedur yang mungkin dikenakan.

Peraturan ini juga menyediakan jadual bayaran untuk menentukan kadar yang boleh dikenakan oleh seorang doktor atau doktor pakar. Jadual ini juga termasuk senarai bayaran menyeluruh yang boleh dikenakan bagi pelbagai prosedur bayaran.

Kementerian Kesihatan perlu membantu pengguna dalam hal ini dengan menegaskan bahawa penerangan mengenai prosedur perubatan yang disenaraikan dalam bil pesakit perlu bersesuaian dengan penerangan jadual bayaran.

Petugas perubatan mesti mewujudkan pelan mekanisme rungutan pesakit termasuk pelantikan seorang pegawai perhubungan pesakit untuk bertindak sebagai penghubung antara pesakit dengan hospital swasta.

Oleh yang demikian, pengguna perlu tahu dan sentiasa peka akan hak-hak mereka agar tidak mudah terpedaya dan tertipu dalam mendapatkan rawatan.

-Persatuan Keselamatan Pengguna Kuala Lumpur (PKPKL); PKPKL@hotmail.com

